

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

WARGA BANK ISLAM TURUN PADANG SERTA HARI AMAL BANK ISLAM 2019 DI SELURUH NEGARA RM200,000 Diperuntukkan Untuk Aktiviti AMAL di Seluruh Negara

KUALA TERENGGANU, Sabtu, [19 Oktober 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) menganjurkan Hari AMAL Bank Islam 2019 hari ini. Program ini merupakan satu inisiatif tanggungjawab korporat yang melibatkan sukarelawan warga Bank Islam termasuk ahli Pengurusan untuk turun padang melakukan kerja-kerja kebajikan dan menyampaikan sumbangan. Ia dilaksanakan secara serentak di 15 lokasi di seluruh negara dengan tujuan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan memelihara alam sekitar di samping menggalakkan semangat kesukarelawanan di kalangan warga kerja Bank Islam serta mewujudkan keseimbangan kehidupan dan kerja.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed, “Hari AMAL Bank Islam 2019 ini merupakan kali ketiga diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 2017. Untuk tahun ini kami menyediakan peruntukkan sejumlah RM200,000 di mana lebih RM100,000 adalah dari dana zakat dan RM27,000 untuk aktiviti pemeliharaan alam sekitar serta RM73,000 adalah peruntukan khusus untuk Hari AMAL. Kami menganggarkan lebih dari 861 warga Bank Islam di seluruh negara, termasuk ahli pengurusan serta 250 orang sukarelawan lain akan turun padang melakukan kerja-kerja kebajikan di 15 lokasi. Seramai 2,471 penerima manfaat yang terdiri dari individu dan institusi akan disantuni sepanjang Hari AMAL ini. Secara keseluruhannya, sejumlah 6,666 jam diluahkan oleh semua sukarelawan untuk menjayakan program Hari AMAL kali ini”.

Di negeri Terengganu, Hari AMAL Bank Islam 2019 diketuai oleh Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah Bank Islam dan diadakan di Bukit Besar, Kuala Terengganu dengan melibatkan peruntukan khusus Hari AMAL sebanyak RM17,000. Ia melibatkan kerja-kerja pembersihan dan menanam semula pokok di kawasan bukit rekreasi tersebut. Selain itu, pemasangan dan membaik pulih kemudahan di Bukit Besar juga dilaksanakan untuk digunakan pendaki. Ia termasuk menyediakan pemegang dan tali memanjat, bangku santai serta papan tanda dan papan maklumat maklumat berkenaan bukit itu.

Seramai 125 orang sukarelawan Bank Islam dari cawangan Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Padang Hiliran bersama rakan strategik dari Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengambil bahagian dalam aktiviti pembersihan dan penambahbaikan Bukit Besar ini.

Sempena Hari AMAL Bank Islam 2019, sukarelawan turut menyantuni dua orang adik-beradik yang uzur dan kurang upaya, Encik Adam Ahmad dan Encik Sidek Ahmad yang tinggal dalam keadaan daif di Kampung Banggol Katong di Kuala Terengganu. Bank Islam memperuntukkan dana zakat bernilai RM10,000 untuk membaik pulih rumah usang yang didiami kedua-dua adik-beradik ini, di samping menyumbangkan barangan kelengkapan rumah seperti perabot dan alat elektrik untuk keselesaan hidup mereka.

Hari AMAL Bank Islam 2019 ini adalah sebahagian daripada inisiatif menyokong Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation* - VBI) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai hala tuju strategik industri perbankan Islam seterusnya. Tambahan pula, elemen-elemen inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam seperti Hari AMAL ini adalah untuk mencapai agenda Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* - SDG) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("PBB") yang berikut:

- SDG 1 – Tiada Kemiskinan
- SDG 15 – Kehidupan di Darat
- SDG 17 – Kerjasama Demi Matlamat

Melangkah ke hadapan, Bank Islam akan terus berusaha untuk mencapai lagi matlamat- matlamat SDG yang lain dan ini secara langsung selari dengan hala tuju Bank Islam mementingkan tonggak *Triple Bottom Line* iaitu manusia, planet dan kemakmuran (*people, planet and prosperity*).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 147 cawangan dan lebih daripada 1100 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my</p>	<p>Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
--	--